



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KONVENSYEN MyCHAMPION@KKM

15 OKTOBER 2023

Konvensyen MyCHAMPION@KKM Peringkat Kebangsaan 2023 merupakan konvensyen pertama yang dianjurkan bersama sukarelawan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang menggabungkan pasukan:

- a) Sukarelawan “*Communication for Behavioural Impact*” (COMBI),
- b) Sukarelawan Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN),
- c) Sukarelawan Duta Kenali Ubat Anda (DKUA),
- d) Sukarelawan Ikon Gigi (IGG),
- e) Sukarelawan Panel Penasihat Klinik Pergigian (PPKK), dan
- f) Sukarelawan Wakil Kesihatan Kampung (WKK).

Sejak dilancarkan pada 26 Mac 2022 yang lalu, KKM kini mempunyai seramai 53,556 sukarelawan yang bernaung di bawah payung MyCHAMPION. Penubuhan MyCHAMPION merupakan satu instrumen mobilisasi sukarelawan dalam menggerakkan Teras 3, Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) iaitu kawalan kesihatan sendiri. Fokus MyCHAMPION adalah untuk memperkasa semua sukarelawan supaya mampu menyampaikan pelbagai maklumat kesihatan serta melaksanakan

inisiatif ke arah pembudayaan hidup sihat dan kelestarian persekitaran pada peringkat komuniti.

Penyepaduan pasukan sukarelawan KKM di bawah MyCHAMPION mampu menggembelngkan sumber supaya dapat digunakan strategik dalam memastikan usaha pemerksaan komuniti yang lebih berstruktur termasuk penyampaian mesej atau maklumat kesihatan dengan lebih meluas.

Seramai 700 sukarelawan dan penyelaras MyCHAMPION kebangsaan dan negeri dari seluruh negara menghadiri konvensyen pada kali ini yang akan mendedahkan mereka kepada pengetahuan mengenai amalan terbaik projek inovasi sosial yang dapat dijadikan panduan untuk pelaksanaan program dalam komuniti. Konvensyen ini telah disempurnakan perasmiannya oleh YBhg. Datuk Dr. Muhammad Radzi Abu Hassan, Ketua Pengarah Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia hari ini.

Individu atau pasukan sukarelawan yang berhasrat untuk mendapat maklumat lanjut dan mendaftar sebagai MyCHAMPION, boleh melayari laman portal www.infosihat.gov.my/mychampion/.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
15 OKTOBER 2023